



SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1 Klt.32 (89)
Tarikh : 12 Januari 2015

Ketua Pengarang
Harian Metro

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN IM LAPOR BERTARIKH 09 JANUARI 2015, JUMAAT – M.S: 25 (SETEMPAT)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sangat menghargai keprihatinan yang disuarakan oleh **SELINA89 [IMC02034]** berkaitan ketiadaan dokumen bagi beberapa penduduk di Kampung Sungai Dusun, Sandakan, Sabah.
3. Untuk makluman, JPN ada menyediakan perkhidmatan Unit Khas Bergerak yang dilaksanakan secara berjadual dan berterusan khususnya di kawasan pedalaman bagi menangani masalah dokumentasi di Sabah. Aktiviti ini telah bermula sejak tahun 2000. Walau bagaimanapun, sebarang permohonan perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang disyaratkan untuk melayakkan seseorang mendapat MyKad.
4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama Ketua Kampung/Jawatankuasa kampung/Pengguna Kampung Sungai Dusun, Sandakan, Sabah untuk mengemukakan permohonan bagi mendapatkan perkhidmatan Unit Khas Bergerak JPN. Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi Unit Khas Bergerak JPN Sabah ditalian 088-488315/088-488319/088-488305/088-488309 atau melalui emel ismail@jpn.gov.my.

'RAKYAT DI HATI JPN'



5. Selain daripada itu sekiranya orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan JPN boleh juga mengunjungi pejabat-pejabat JPN yang berhampiran untuk menguruskan pendaftaran dokumen pengenalan diri. Kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi membantu mengatasi masalah ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.



(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)